

ISLAM ASAS KEUTUHAN SISTEM PEMERINTAHAN BERAJA

¹Dr. Muhammad Hadi Bin Muhammad Melayong

¹Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

Negara Brunei Darussalam memang dimaklumi dengan amalan falsafah negaranya *Melayu Islam Beraja* (MIB) sebagai asas menjamin kemakmuran, kesejahteraan, keamanan serta perpaduan hidup bermasyarakat yang berpegang teguh kepada nilai-nilai keIslaman yang murni. Dengan lain perkataan Islam adalah menjadi sandaran kepada cara pemerintahan beraja yang menjadi warisan Bangsa Brunei. Walaupun terdapat beberapa puak dan kaum yang berlainan agama, keturunan dan budaya namun atas kesetiaan mereka pada raja, kesepaduan dan kesefahaman tetap dapat diwujudkan dalam konsep bernegara. Dan inilah keberkatan dari amalan hidup yang berasaskan kepada nilai-nilai MIB yang bertunggakkan ajaran Islam bagi membentuk cara hidup yang bercalak keBruneian.

MIB adalah merupakan warisan Bangsa Melayu yang menjadi sumber kegemilangan dan keagungan empayar Melayu di Nunsantara di zaman silam. Dan hari ini, Negara Brunei Darussalam adalah satu-satu Negara Melayu yang masih terus mengamalkan warisan tiga serangkai ini iaitu berbudaya Melayu, beragama Islam dan berpemerintahan sistem beraja berkuasa penuh. MIB adalah asas penegak ketuanan Bangsa Brunei yang berpaksikan kepada Ugama Islam. Bagi Brunei pengamalan dan penghayatan nilai-nilai MIB dalam aspek kehidupan sudah berlangsung lebih 600 yang senantiasa menghadapi perubahan dan cabaran. Nilai-nilai MIB yang diamalkan ini adalah sebagai lambang identiti dan jatidiri Bangsa Brunei iaitu nilai-nilai positif dan murni untuk melahirkan insan kamil yang menjadi pewaris Bangsa Brunei di masa akan datang iaitu selaras denga Wawasan Negara 2035 Secara ringkasnya MIB itu dapatlah ditafsirkan seperti berikut:

Bangsa Melayu Brunei yang diiktiraf oleh Perlembagaan Negara Brunei Darussalam di bawah Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 adalah rakyat Sultan dengan kuat-kuasa mutlak undang-undang yang terdiri dari “... salah satu puak jati dari bangsa Melayu seperti berikut; iaitu Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong”. Rakyat Sultan yang terdiri dari tujuh puak ini adalah menjadi akar tunjang ke-Melayu-an di negara ini.

Identiti Bangsa Brunei tersebut adalah taat setia menjunjung pemerintahan beraja, berbahasa Melayu, berkebudayaan Melayu Brunei, beradat istiadat, mengamalkan nilai-nilai ke-Melayu-an Brunei, menganuti, menghormati nilai-nilai dan ajaran Islam. Sebagai sebuah negara Melayu, Negara Brunei Darussalam menggunakan bahasa Melayu dan menjadikannya bahasa rasmi Negara dengan tulisan jawi diberikan keutamaan, kesemua ini menjadi jiwa bangsa orang Brunei dan diamalkan sebagai alat pentadbiran, perhubungan, perpaduan, dan pengenalan orang Brunei sebagai bangsa yang bertamadun.

Dengan unsur Melayu di dalam konsep ini, orang Brunei akan terus memelihara dan mengamalkan cara hidup ke-Bruneian yang bersendikan etika, adat resam dan kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan nilai-nilai dan ajaran Islam. Nilai-nilai dalam cara hidup ini antaranya ialah; taat setia kepada raja dan pemerintah; kuat beragama dan menuntut ilmu; tahan lasak dan berdiri di atas kaki sendiri yang digambarkan oleh nilai-nilai seperti bakarih, bajarih, bebasah bekaring, cakah dan malu untuk meminta-minta; beradab dan bersopan melalui nilai-nilai beawar galat, menuakan dan menghormati dan mentaati ibu-bapa; jujur dengan sifat lurus; berbudi-mulia melalui nilai-nilai inda camah mata, memucang-mucang kuat membantu orang lemah dan bersilaturahmi; kemas dan sempurna di dalam pekerjaan melalui nilai-nilai lutan dan titih lagi sempurna.

Islam dalam konteks Melayu Islam Beraja adalah agama rasmi negara menurut aliran Ahli Sunnah wal-Jama’ah Mazhab Shafie dan diamalkan sebagai cara hidup yang lengkap (Ad Deen) dengan nilai-nilai dan ajarannya menjadi paksi pentadbiran negara ke-arah mencapai *Baldatun thayibatun warabbun ghafur* (negara sejahtera yang mendapat pengampunan Allah). Ajaran Islam yang bersumber daripada Al-Quran dan Al-Hadith yang meliputi akidah, syariah dan akhlak itu berusaha dan menjamin pembangunan, perpaduan, kesejahteraan, keselamatan, keharmonian dan kebahagiaan bangsa Brunei di dunia dan di akhirat.

Islam sebagai teras kepada Konsep Melayu Islam Beraja bukan saja telah memperkukuhkan nilai-nilai warisan orang Melayu, bahkan menyuburkan nilai-nilai yang telah dibawa oleh agama Islam itu sendiri seperti adil, taat kepada Raja sebagai ulil amri, taat dan hormat kepada ibubapa, memelihara hubungan silaturahmi, perpaduan dan keharmonian, cintakan ilmu pengetahuan, suka memberi maaf, suka menolong dalam hal ehwal kebajikan, bercakap benar, amanah, menepati janji, sabar, murah hati, malu membuat jahat, ikhlas, istiqamah dan amar ma’ruf nahi mungkar.

Islam mendidik umatnya berlaku adil, berani menegakkan dan memperjuangkan keadilan, dan keluhuran undang-undang sebagai landasan kepada pentadbiran dan pembangunan negara. Islam mengajarkan umatnya supaya mentaati raja atau

pemerintah, mematuhi peraturan dan undang-undang yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Taat kepada raja dan ibubapa adalah sifat orang Melayu turun temurun yang diperkukuhkan oleh Islam.

Islam tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip hubungan antarabangsa iaitu untuk memelihara dan menghargai hubungan silaturahmi dan persaudaraan sesama manusia dapat menimbulkan rasa hormat menghormati dan tolong menolong antara satu sama lain bagi mewujudkan dan mengukuhkan perpaduan, keharmonian, keamanan dan kesejahteraan.

Beraja adalah sistem pemerintahan yang dimiliki dan diwarisi secara turun temurun oleh negara ini sejak Sultan Brunei yang pertama. Sistem pemerintahan beraja tetap tumbuh subur, terpelihara, terus dinamik dan serasi dengan kehidupan orang-orang Brunei yang menjunjung kedaulatan Raja sebagai Ulil Amri. Kedudukan Raja sebagai Ulil Amri melaksanakan amanah Allah bersendikan Iman, Islam, dan Ehsan dengan adil, menaungi dan memeduli kebajikan rakyat demi ketenteraman kehidupan yang harmoni berdasarkan muafakat dan syura.

Pemerintahan beraja bersepadu kuat dengan rakyat yang terikat dalam satu ikatan budaya dan kesetiaan turun temurun orang-orang Brunei iaitu bahawa “Raja wajib adil dan rakyat wajib taat kepada Raja” dan “Raja mengasihi rakyat dan rakyat mengasihi Raja”. Kedudukan Raja sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan yang mempunyai kuasa memerintah tertinggi adalah warisan turun temurun iaitu raja sebagai pemimpin negara dan bangsa, ketua ugama Islam, dan ketua adat istiadat.

Kemantapan pemerintahan beraja diperkukuh melalui institusi-institusi berikut iaitu Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, Majlis Mesyuarat Ugama Islam, Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Adat Istiadat. Semua institusi ini berperanan menjaga kedaulatan negara, keberkesanan dan kesinambungan pemerintahan beraja berteraskan ke-Melayu-an Brunei, permuafakatan, ajaran dan nilai-nilai Islam, Perlembagaan Negara serta Undang-Undang Negara yang menjadi amalan di negara ini.

Matlamatnya adalah bagi pengekalan dan kemantapan kewujudan sebuah negara kesultanan yang mengamalkan cara pemerintahan yang bertunjangkan KeIslaman dan berbudaya KeMelayuan seperti mana yang telah dimasyhurkan oleh Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Januari 1984 yang antara lain berbunyi:

*Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah Kurnia Allah Subhanahu
Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam.’
Menurut Ahli Sunnah Waljamaah....*

Pengamalan sistem beraja di Negara Brunei Darussalam adalah menegakkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang berlandaskan Al-Quran dan hadith Rasulullah S.A.W. sebagai tunggak bagi semua kegiatan yang menyentuh kepentingan negara, bangsa, bahasa, ekonomi, politik, sosial dan budaya Melayu serta keutamaan institusi beraja sebagai corak sistem pemerintahan. Ini selaras dengan kedudukan Islam sebagai Ugama Rasmi Negara sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 antara lain mencatat bahawa dalam *Bab 3(1) menyatakan Agama Islam adalah Agama Rasmi Negara menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah*. Oleh itu dalam pengamalan sistem beraja di Negara Brunei Darussalam Islam adalah pegangan hidup yang lengkap lagi sempurna yang menjadi Ad Deen yang telah diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W. Islam menjadi teras kepada pemerintahan beraja sama ada dari segi Islam sebagai payung kepada Melayu dan Beraja. Oleh sebab itu pentadbiran, ekonomi, politik, kebudayaan, pendidikan dan semua cara kehidupan mesti dilihat dari perspektif Islam. Dalam hal ini Raja adalah ketua Ugama Islam berdasarkan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 bahkan mengistiharkan secara rasminya perlaksanaan Hukum Kanun Syariah adalah pada 01 Rejab 1435, bersamaan 01 Mei 2013. Perlaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syariah ini sememangnya telahpun berjalan di Brunei sejak dari abad ke 14 Mesehi. Pengistiharan ini hanya sebagai kesinambungan dasar tersebut bagi mengukuh dan memantapkan pengamalan dan penghayatan ajaran Islam melalui perlaksanaan secara berperingkat-peringkat.

Pada pratiknya dalam melaksanakan hukum dan nilai-nilai ajaran Islam dalam pemerintahan Beraja, beberapa langkah telahpun dilaksanakan antaranya ialah menghayati cara hidup Islam melalui perlaksanaan Hukum Kanun Syariah, sambutan dan cuti awam bagi hari-hari kebesaran Islam, perlaksanaan pendidikan ugama wajib 2012, mengadakan tilawah Al-Quran, penutupan premis perniagaan pada hari jumaat, pengharaman minuman keras dan rokok dan sebagainya. Ini adalah bertitik tolak daripada perlembagaan Negara Brunei Darussalam pada 29 September 1959 yang menyatakan “Islam sebagai agama rasmi negara” memperkukuhkan pengisytiharan detik kemerdekaan pada 1 Januari 1984 iaitu Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna.

Selaras dengan ajaran Islam bagi pengujudan negara yang diredhai oleh Allah Subnahanahu wa Ta’ala iaitu negara yang baik yang disebut dalam Al-Quran sebagai Negara *Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur*’ selaras dengan Wawasan Negara 2035 yang menegakkan ajaran ugama Islam sebagai pegangan dan rujukan. Dalam hubungan ini khususnya mengenai warisan sistem beraja di Negara Brunei Darussalam, Baginda Sultan telah bertitah bersempena Sambutan Jubli Perak Baginda Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1992 antara lain:- “... jika kita teliti dan perhatikan dengan jujur,

membuktikan bahawa sistem pemerintahan yang kita amalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama itu, adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara. Jadi dari bukti yang ringkas ini, adalah cukup untuk memberikan jaminan dan keyakinan bahawa “sistem pemerintahan beraja” yang telah kita warisi dan pelihara itu telah berhasil menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk Negara Brunei Darussalam. Demikian itu hubungan raja dengan rakyat. Tidak ada tembok pemisah diantara mereka. Kewajipan raja berlaku adil kepada rakyat, sementara kewajipan rakyat pula menta’ati raja. Raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat, sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada raja. Inilah namanya kewajipan timbal balik untuk kesejahteraan semua. Raja dan rakyat sama-sama memegang amanah besar ini”.

Hubungan di antara raja dan rakyat adalah berasaskan kepada tanggungjawab timbalbalik sebagaimana jua wawasan pemerintahan tradisi “raja hendaklah adil dan rakyat janganlah menderhaka” dan sama-sama menunaikan amanah Allah Subhanahu Wata’ala. Secara amnya, kepentingan falsafah ini dapat dilihat daripada konteks dimana ianya membolehkan negara ini mengharungi dunia di era globalisasi dengan calak Brunei yang tersendiri dengan berteraskan kepada ajaran ugama Islam dan identiti bangsa Brunei.

Jestru itu, pengamalan sistem beraja yang berfalsafahkan Melayu Islam Beraja adalah sesuatu sistem yang berakar-umbi daripada warisan pemerintahan Raja-Raja Melayu Brunei. Calak/acuan dan sistem tersebut merupakan tapak kukuh untuk kehidupan bangsa Melayu Brunei, Islam dan institusi kesultanan. Justeru asas inilah bangsa Melayu Brunei itu dapat bertahan sebagai sebuah negara dikalangan masyarakat antarabangsa. Dengan berfalsafahkan konsep Melayu Islam Beraja ini, yang bertunggakkan Islam sebagai pegangan dan paksi kehidupan bermasyarakat dan bernegara telah membuktikan kepada dunia dengan keutuhan sistem politik beraja mampu mengekalkan identiti keBruneian selaras dengan perkembangan dunia moden dalam era globalisasi masa kini. Kita juga merasa yakin akan dapat mempertahankan dan mengekalkan institusi kesultanan, adat resam negara, budaya-budaya keBruneian yang telah diwarisi lebih dari 600 tahun yang lalu dengan terus berpegang kepada tali Allah Subnahanahu wa Ta’ala iaitu ajaran Ugama Islam sebagaimana firmanNya dalam Surah Al-A’raaf Ayat 96 yang maksudnya: *Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi.*

Kalau kita merujukan kepada sejarah sistem beraja adalah lambang kegemilangan ketamadunan Bangsa Melayu di Nusantara. Sistem ini pernah diamalkan di Alam Melayu iaitu di Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan Brunei yang telah menerima hambatan dari luar khususnya akibat kedatangan kuasa-kuasa Barat yang telah membuat perubahan. Negara Brunei Darussalam termasuk juga Malaysia menempuh sejarah yang sama dalam mempertahankan kedaulatan sistem beraja. Dan memang tidak dinafikan bahawa sistem Raja berkuasa mutlak yang pernah diamalkan dikalangan masyarakat Melayu Nunsantara sebelumnya telah mengalami beberapa perubahan demi kelangsungannya. Bagaimanapun di Negara Brunei Darussalam Institusi Raja itu tetap menjadi simbol kedaulatan Bangsa Brunei. Sehubungan dengan itu, kedudukan raja adalah dihormati dan disegani dalam menentukan dasar serta polisi yang bersandar kepada Islam misalnya berdasarkan Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Ini jelas membuktikan peranan dan tanggungjawab raja untuk menjaga dan memelihara kemurnian Ugama Islam dalam dokumen Perlembagaan Negara Brunei 1959 pindaan 2004 dan 2008.

Alhamdulillah, warisan tradisi Melayu terus dipertahankan di Negara Brunei Darussalam. Keutuhan dan keunggulan sistem ini sebagai satu amalan hidup berbangsa dan bernegara telah mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan bagi masyarakat Brunei adalah merupakan satu anugerah dan kurnia Allah Subhanahu Wata’ala di bumi Brunei Darussalam. Dalam dunia Melayu masa kini yang dulu pernah dikenali sebagai Nusantara, atau Alam Melayu hanya Negara Brunei Darussalam sahaja satu-satunya negara yang masih mengamalkan dan mengekalkan sistem pemerintahan beraja berkuasa mutlak yang dianggap sebagai pewaris tradisi Bangsa Melayu di Nusantara. Ini berdasarkan kepada kesinambungan pemerintahan Ketuanan Brunei yang berasaskan kepada pemerintahan beraja dengan merujuk kepada penubuhan awal Kerajaan Kesultanan Brunei di Kota Batu di bawah kepimpinan Awang Alak Betatar pertengahan abad ke-14 Masihi yang terus berlangsung sehingga ke hari ini.

Sistem pemerintahan beraja yang telah diamalkan sejak berkurun-kurun lamanya adalah merupakan warisan Melayu yang telah diwujudkan berdasarkan kepada *kontrak sosial* yang termetrai antara Lebar Demang Daun dan Sang Purba yang menjadi Raja Bukit Seguntang di Pelembang dan warisnya kebanyakan menjadi raja-raja di Alam Melayu yang juga mempunyai kaitan dengan Kesultanan Brunei berdasarkan perkahwinan Awang Alak Betatar dengan Puteri Puteri Johor iaitu Kerajaan Singapura Tua pada pertengahan abad ke-14 Masihi. Kontrak Sosial ini juga terdapat dalam *Adat Istiadat Diraja Brunei* Darussalam tulisan P.M Yusuf yang antara lain mencatatkan:

Negara Brunei terdiri adalah dengan persatuan dan perpaduan hati ra’áyat yang telah menyerahkan kuasa diri masing-masing kepada Raja (Sultan) untok hak Negara dengan berdasarkan “Raja tidak boleh zalim dan ra áyat tidak boleh derhaka kepada Raja.

Justeru, Beraja sebagai asas Ketuanan Brunei adalah merujuk kepada sistem politik, sumber kehidupan dan identiti bangsa Brunei. Warisan bangsa Brunei ini telah dipraktikkan oleh Negara Brunei Darussalam melebihi dari 600 tahun yang lalu

yang mempengaruhi sosio-budaya, politik dan agama. Raja adalah kerajaan. Raja adalah payung rakyat di mana kontrak antara raja dan rakyat terjalin melalui ikatan Raja tidak boleh zalim, rakyat tidak boleh menderhaka. Sebagaimana yang difirmankan dalam Al-Quraan Surah Al-Nisaa Ayat 59 yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

Raja dalam pemerintahan sistem politik di Brunei bukanlah sebagai lambang semata-mata tetapi memiliki kuasa mentadbir dan Raja adalah Ulil-Amri amanah oleh Allah Subhanahu Wata’ala sebagai khalifah di muka bumi untuk melindungi dan memimpin umat manusia ke jalan yang diredhaiNya. Maka bagi Negara Brunei Darussalam terus tunggak negara adalah Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai tercatat dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 pindaan 2004/2008:

3. (1) Ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam: Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.

(2) Ketua ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Majlis Ugama Islam adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyebarkan nasihat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai semua perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

(4) Bagi maksud Perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam, tetapi tidak semestinya mengikut nasihat Majlis itu, membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

Kesimpulannya, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, yang kekal selamanya berfalsafahkan Melayu Islam Beraja iaitu berbahasa Melayu, berkebudayaan Melayu dan mengamalkan nilai-nilai ke-Brunei-an, mengamalkan ajaran Islam menurut aliran Ahli Sunnah wal-Jama’ah Mazhab Shafie, memelihara, mengamalkan dan menghormati nilai-nilai Islam, dan taat setia kepada Sultan dan Yang Di-Petuan Negara Brunei Darussalam sebagai pemerintah tertinggi yang memerintah negara dengan Iman, Islam dan Ehsan. Ini senerio sebenarnya sejarah yang diwarisi sejak 600 tahun oleh Bangsa Brunei di mana Ugama Islam adalah paksi kepada falsafah Negara yang terus diamalkan sehingga ke hari ini demi mengekalkan kesejahteraan, kemakmuran dan keamanan hidup bermasyarakat dan bernegara dengan mengukuhkan pemerintahan institusi beraja.

Rujukan

Muhammad Hadi Muhammad Melayong, *Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Pemimpin Sepanjang Zaman*, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2013.

-----, *Malay Islamic Monarchy: Brunei Darussalam*, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Negara Brunei Darussalam, 2016.

-----, *Kesultanan Brunei: Rintitan Perjalanan*, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2012.

-----, *Islam: Cara Hidup Yang Lengkap*, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2012.

-----, *Sejarah Awal Hubungan Brunei-China*, Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Neghara Brunei Darussalam, 2012.

-----, *Sejarah Sultan-Sultan Brunei*, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, 2015.

-----, *Mutiara Bangsa: Melayu Islam Beraja*, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2012.

-----, The Catalyst Towards Victory, Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, 2010

Pehin Haji Mohd Jamil Al-Sufri, *Arkitek Brunei Moden*, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1990.

-----, *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1992.

-----, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1987.

-----, *Penyair Diraja*, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1987.